

1981

KUALA LUMPUR, 21 MEI (BERNAMA) — BERBAGAI PELUANG TERBUKA LUAS KEPADA PELABUR-PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI DI BIDANG INDUSTRI BERAT DAN INDUSTRI BERASASKAN SUMBER ASLI DI NEGARA INI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA ADALAH MENJADI TUJUAN DAN ASPIRASI KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PENGEKSPOT BAHAN-BAHAN SETENGAH SIAP DAN SEPENUH SIAP — TIDAK LAGI SEBAGAI PENGELUAR BAHAN-BAHAN MENTAH SEMATA-MATA.

MEMANDANG PELUANG-PELUANG INI KATANYA, KERAJAAN AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DAN JUGA MENYEDIAKAN PENGGALAKAN BAGI BIDANG-BIDANG INDUSTRI TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN SEMINAR PERSEKUTUAN PENGILANG-PENGILANG MALAYSIA (FMM) MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DI SINI. — BERSAMBUNG 1247/LK

8541
MAHATHIR-INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI MAHATHIR BERKATA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT PENEKANAN AKAN DITERUSKAN KEPADA MENARIK KE NEGARA INI INDUSTRI BERORIENTASIKAN EKSPORT.

STRATEGI GANTIAN KEPADA IMPORT PADA MASA AKAN DATANG ISLAH MENWUJUDKAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG BOLEH DIISTILAHKAN SEBAGAI "INDUSTRI ASAS DAN MEMBANTU" YANG AKAN MENGISI KEPERLUAN INPUT BARANGAN SIAP KEPADA PERUSAHAAN YANG ADA SEKARANG.

DARI SEGI INI KEUTAMAAN HARUS DIBERIKAN KEPADA PENUBUHAN INDUSTRI KECIL, DAN JUGA YANG SEDERHANA.

POLIS MEMBAWA INDUSTRI DARI BANDAR KE KAWASAN LUAR BANDAR YANG KURANG MAJU JUGA AKAN DITERUSKAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

BELIAU MENAMBAH GANTIAN KEPADA BARANG-BARANG IMPORT JUGA DIGALAKKAN DENGAN PENEKANAN KEPADA BARANG-BARANG YANG BARU.

BAGAIMAPUN, DIRASAKAN PENGILANGAN BARANG-BARANG PENGGUNA TIDAK LAGI MENGGALAKAN PERTUMBUHAN YANG DIHARAPKAN DI BAWAH MATLAMAT YANG DIGARISAKAN UNTUK SEKTOR PERKILANGAN, KATANYA.

—BERSAMBUNG 1452/HM

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA INDUSTRI-INDUSTRI UTAMA DI SEKTOR PERKILANGAN DI BAWAH RM4 DIJANGKAKAN BERASASKAN BAHAN-BAHAN ASLI DAN YANG BERSANGKUTAN DENGAN JENTERA-JENTERA ELEKTRIK, KERTAS DAN PENCETAKAN.

SEKTOR PERKILANGAN JUGA AKAN MENGEPAI PERTUMBUHAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN, MENCIPTAKAN KIRA-KIRA 267,000 PEKERJAAN BARU, IAITU LEBIH DARI SATU PERTIGA DARI PELUANG-PELUANG PEKERJAAN DALAM JANGKA MASA ITU.

KATANYA, SEKTOR PERKILANGAN YANG TELAH DIGERISKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI SEKTOR UTAMA DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI DI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG TELAH BERKEMBANG PESAT DALAM DEKAD YANG LALU.

DALAM TAHUN 1970, SEKTOR TERSEBUT MENYUMBANG HANYA 13.4 PERATUS KELUARAN KASAR DALAM NEGERI BERBANDING DENGAN PENGELUARAN SEKTOR PERTANIAN, 30.8 PERATUS. BAGI TAHUN 1980 ANGKA-ANGKANYA IALAH 20.5 PERATUS DAN 22.2 PERATUS. — BERSAMBUNG 1455/HM
MAHATHIR-INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR

MENJELANG 1985, SEKTOR PEMBUATAN DIJANGKA MENGGANTIKAN SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI PENYUMBANG TERBESAR TERHADAP KELUARAN KASAR DALAM NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKTOR BINAAN DAN SEKTOR PERLOMBONGAN YANG MERUPAKAN SEKTOR UTAMA EKONOMI NEGARA DIRAMALKAN MENINGKAT MASING-MASING SEBANYAK SAMBILAN DAN 58.8 PERATUS SETAHUN.

SASARAN PERTUMBUHAN INI DI BIDANG-BIDANG PERTANIAN, PEMBUATAN, BINAAN DAN PERLOMBONGAN AKAN MEMERLUKAN PERTAMBAHAN PELABURAN SEKTOR SWASTA BAGI MENGERAKKAN TEMPO PERTUMBUHAN EKONOMI.

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN PELABURAN AWAM DIJANGKA BERKEMBANG HANYA PADA KADAR 4.1 PERATUS SEMASA RME, ADAJAH JELAS BAHAWA SUMBER UTAMA PELABURAN BAGI PERKEMBANGAN EKONOMI DIJANGKA DATANGNYA DARI SEKTOR SWASTA SAMA ADA DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI.

TAMBAHNYA, USAHA UNTUK MEMPELBAGAIKAN ASAS EKONOMI MALAYSIA, MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT NEGARA INI SERTA MENINGKATKAN TARAF DAN MUTU KEHIDUPAN MEREKA TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SAHAJA. — BERSAMBUNG 1445/1B

8554:

MAHATHIR-INDUSTRI 5 KUALA LUMPUR

KATANYA: +KITA PERLUKAN KEMAHIRAN PENGURUSAN DAN TEKNOLOGI DARI KEDUA-DUA USAHAWAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI SAMA SEPerti. KITA MEMERLUKAN PERSEFAHAMAN DAN DEDIKASI TERHADAP TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS SETIAP RAKYAT DAN PEMIMPIN NEGARA INI DALAM SEMUA BIDANG KEGIATAN.

+KITA AKAN HANYA DAPAT MENCAPAI ASPIRASI NEGARA SEKIRANYA KESEMUA CIRI INI SEALIRAN.+

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN TELAH BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MENGEKAL DAN MEMPERBAIKI IKLIM PELABURAN DI NEGARA INI.

+KITA AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH PERLU BAGI MENJAMIN NEGARA TERUS MENJADI ASAS YANG MANTAP DAN MENGUNTUNGAN BAGI KEGIATAN PERINDUSTRIAN,+ UJAR BELIAU. — BERNAMA 1448/1B